

# Dr Mahathir batal hasrat hadiri forum ekonomi

Daripada Azizi Othman

BH 28 JAN 2000

LONDON, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membatalkan hasrat menghadiri Forum Ekonomi Dunia 2000 (WEF 2000) di Switzerland kerana mahu pulang ke tanah air lebih awal daripada dijadualkan.

Perdana Menteri memberitahu, pembatalan kehadirannya ke WEF 2000 di Davos tidak kena-mengena dengan khabar angin kononnya beliau tidak sihat, tidak mahu bertemu George Soros atau pun kerana ramai pemimpin negara tidak hadir, seperti yang hebat digembarkan pihak tertentu di Malaysia.

“Sebab saya tidak jadi pergi ialah kerana mahu balik awal sedikit ke tanah air. Ini sudah tentu akan menimbulkan khabar angin atau fitnah baru tetapi memang tiada sebab lain,” katanya di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, tiada sebab untuknya membatalkan cadangan ke WEF 2000 semata-mata kerana enggan bertemu Soros sedangkan pembiayaan kewangan itu kini menjadi seorang ‘bukan entiti’ dan semakin dipinggirkan dunia.

“Beliau kini semakin menjadi seorang peniaga mata wang yang tidak lagi disegani dan apa saja yang dikatakannya tidak lagi mendapat perhatian atau tumpuan sejagat.

“Tiada siapa pun yang mahu

ngan dua DUN di Pulau Pinang.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, beliau turut sempat menemui beberapa pemimpin negara sepanjang percutiannya termasuk Presiden Argentina yang baru, Fernando de La Rúa ketika berada di sana.

“Kami berbincang mengenai pelbagai isu, termasuk mengenai Penerbangan Malaysia (MAS) yang kini mengendalikan khidmat dua penerbangan seminggu ke negara itu.

“Sebenarnya MAS mempunyai hak untuk membuat tiga penerbangan seminggu ke negara itu tetapi ketika ini hanya mengusahakan dua sahaja dan saya diberitahu yang dua itu sentiasa penuh dengan penumpang,” katanya.

Ditanya mengenai perkembangan dalam industri penerbangan yang memperlihatkan Singapore Airlines (SIA) membeli 49 peratus Virgin Atlantic Airways, Perdana Menteri berharap syarikat penerbangan negara jiran itu terus beroperasi dengan adil dan tidak mensabotaj MAS.

Sementara itu, ketika bercuti di Kepulauan Carribean, Dr Mahathir berkata, beliau sempat bertemu empat Perdana Menteri dari negara di rantau itu, iaitu dari Antigua, St Lucia, Granada dan St Vincent &

mendengar apa yang dikatakannya dan perkara itu jelas kerana buku yang ditulisnya pun tidak dapat diterima sebagai bahan bacaan berguna kerana tidak mempunyai asas.

“Sebenarnya, pengaruh Soros sudah berakhir kerana dia sudah diketahui tidak sehebat mana, malah peniaga mata wang umumnya kini tidak lagi mampu menggerakkan pasaran kewangan dunia,” katanya.

Dr Mahathir yang sedang bercuti tiba ke sini dengan pesawat khas dari Grenada, di kepulauan Carribean untuk menghabiskan cutinya selama lima hari lagi sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam Isnin depan.

Ditanya perkembangan politik tanah air membabitkan perpindahan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang daripada parti Gerakan kepada MCA, Dr Mahathir berkata, ia dijangka tidak menjejaskan kedudukan Gerakan di negeri itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pihaknya “berharap perkara seperti ini tidak menjadi kebiasaan dalam Barisan Nasional (BN)”.

“Ini kerana walaupun BN mempunyai kod etikanya sendiri, kita tidak boleh bertindak terhadap sesiapa yang bertindak melanggar komitmen yang sudah mereka buat itu,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau berpendapat Gerakan mungkin tidak begitu berpuas hati dengan tindakan itu kerana mereka kehil-

Grenadines.

Menurutnya, antara isu yang mendapat perhatian pemimpin itu ialah untuk mempelajari strategi Malaysia membangunkan ekonomi, mengatasi kegawatan dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri dijadualkan berlepas dengan pesawat ke Paris, pagi esok untuk bertemu Presiden Perancis, Jacques Chirac, di Istana Elysee, dan beberapa pelabur terutama dari syarikat Citroen, dan pulang pada petangnya dengan menaiki keretapi laju Eurostar.

Sementara itu, Ahad ini, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan penuntut Malaysia di sini di Malaysia Hall selain eksekutif daripada firma kewangan Salomon Smith Barney.

Ditanya agenda perbincangannya dengan Chirac, Dr Mahathir berkata, ia akan berkisar kepada usaha mengeratkan hubungan Kuala Lumpur-Paris dan pembangunan tata cara kewangan baru dunia.

“Perancis juga amat berminat terhadap hubungan baik Malaysia dengan Afrika dan berharap kita dapat membantu mereka bersama dengan Jepun melakukan yang sama di sana,” katanya.

Sementara itu, mengenai isu Malaysia Hall yang akan tamat tempoh pajakannya tidak lama lagi, Perdana Menteri berkata, pihaknya berharap sesuatu akan dilakukan tetapi beliau enggan mengulas lanjut.